



## 10 pelajar FKKSA tempa kejayaan dalam Simposium Kejuruteraan Kimia

Berita dan foto oleh: DR. RUZINAH ISHA

Sepuluh pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) seliaan Dr Azizul Helmi Sofian menang tempat ketiga dalam dua kategori yang dipertandingkan sempena 'National Chemical Engineering Symposium 2015' (NACES) yang berlangsung di Curtin University, Kampus Miri Sarawak pada 6 Disember 2015 yang lalu.

Simposium yang bertemakan 'Tug of War: Fossil Fuels against Renewables' itu berjaya mengumpulkan penyertaan daripada 17 buah universiti tempatan dan luar negara termasuk Institut Teknologi Bandung (ITB) dan National University of Singapore (NUS).

Dr Azizul berkata, NACES merupakan platform terbaik bagi para mahasiswa untuk mempamerkan daya pemikiran yang kreatif, memupuk cara komunikasi yang berkesan serta ilmu teknikal bagi menyelesaikan isu dan permasalahan global.

"Simposium ini adalah platform integrasi dikalangan mahasiswa kejuruteraan kimia di seluruh Malaysia

maupun luar negara. Dalam masa yang sama simposium ini turut mempromosikan kepentingan pengamalan kejuruteraan secara profesional dan kelestarian pembangunan ekonomi dan sosial," katanya.

UMP telah mengambil bahagian dalam tiga kategori daripada tujuh kategori yang dipertandingkan, iaitu *Technical Case Study*, *Technical Essay Writing* dan *Chemical Engineering Challenge*.

Program menyaksikan UMP berjaya mendapat tempat ketiga dalam kategori *Chemical Engineering Challenge* yang membawa pulang RM 500 berserta sijil penghargaan.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan juara dimenangi oleh Institut Teknologi Bandung, Indonesia (ITB).

Lebih menarik pelajar UMP, Lee Chea Hui yang mewakili universiti dalam kumpulan campuran lima universiti juga meraih tempat ketiga dalam kategori *Technical Case Study* yang membawa pulang hadiah RM500 dan sijil penghargaan.